

Tuanku Mizan lancar Pelan Tindakan Perpaduan Negara

UM- 13/5/2007

KUALA TERENGGANU 12 Mei - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin hari ini melancarkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PTPNIN) Lima Tahun 2006-2010 dengan strategi meningkatkan tahap interaksi kaum di negara ini.

Pelan itu menyebut, pada masa ini negara tidak menghadapi sebarang masalah perpecahan kaum secara serius namun wujud perpecahan sesama kaum dan intra kaum yang disebabkan oleh ideologi politik tetapi masih terkawal.

PTPNIN 2006-2010 yang diluluskan oleh Jemaah Menteri melalui mesyuarat pada 17 Mei 2006 menggariskan lima objektif iaitu memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotik serta megah sebagai rakyat Malaysia.

Objektif lain adalah mengurangkan pemisahan kaum dan kerenggangan dalam perhubungan antara kaum dan wilayah serta meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum.

Ia turut mempunyai objektif untuk meningkatkan integrasi semua negeri di Malaysia serta menghadapi cabaran

Wawasan 2020 untuk mewujudkan bangsa Malaysia.

PTPNIN 2006-2010 dilancarkan sempena sambutan Bulan Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2007 di sini hari ini yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Ongkili dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Idris Jusoh.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah.

Sebanyak 19 strategi digunakan untuk menjayakan PTPNIN 2006-2010 dengan semua agensi kerajaan bertindak sebagai badan pelaksana bagi mencapai lima matlamat akhir yang diinginkan kerajaan.

Ia termasuk penyertaan semua agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta seluruh rakyat untuk komited ke arah perpaduan dan integriti nasional.

Pelan tersebut juga bermatlamat untuk meningkatkan identiti kebangsaan melalui sistem pendidikan negara yang berkualiti, mengukuhkan integrasi wilayah melalui pembangunan yang seimbang serta meningkatkan tahap ke-

fahaman rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Pelan tersebut menyebut, antara isu dan cabaran yang perlu dihadapi dalam meningkatkan perpaduan dan integrasi nasional ialah tahap interaksi kaum di Malaysia pada masa kini yang masih pada tahap *functional*.

Tahap *functional* bermaksud masyarakat berinteraksi disebabkan oleh situasi tertentu contohnya interaksi di tempat kerja adalah disebabkan oleh tugas masing-masing.

Menurutnya, tahap interaksi secara jujur, ikhlas, kasih sayang dan saling memahami jarang berlaku di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Cabaran lain ialah status perkongsian antara kaum dalam hal politik, sosial dan ekonomi masih longgar dan tidak mencapai tahap yang dikehendaki serta sering dijadikan isu.

Malah kontrak sosial iaitu persetujuan yang dicapai semasa kemerdekaan dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sering diungkit pihak tertentu sehingga boleh menimbulkan ketegangan kaum.